



KENYATAAN MEDIA

PERLAKSANAAN KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) MULAI 24 MEI SEHINGGA 4 JUN 2021 DI 15 MUKIM DALAM DAERAH BESUT, TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan amat mengambil berat dan menzahirkan kebimbangan akan peningkatan kes positif jangkitan harian Covid-19 di daerah Besut.

Selaras dengan arahan Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 15 mukim dalam Daerah Besut bermula 22 Mei sehingga 4 Jun 2021, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu bersetuju selepas mengambil kira pandangan Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri

Terengganu, pelaksanaan aktiviti ibadat di masjid dan surau di 15 Mukim dalam Daerah Besut yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah seperti berikut:

- i) Aktiviti Solat Jumaat di masjid adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan **DIGANTI** dengan melakukan Solat Fardhu Zohor.
- ii) Solat Fardhu berjemaah di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** dengan bilangan jemaah maksimum seramai **LIMA (5)** orang sahaja melibatkan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Masjid atau Surau.
- iii) Ahli qaryah hendaklah menggantikan Solat Jumaat dengan menunaikan Solat Zohor dan menunaikan solat-solat fardhu yang lain di rumah masing-masing.
- iv) Laungan azan di masjid dan surau adalah **DIBENARKAN** sebagai makluman kepada ahli qaryah berkaitan masuk waktu solat.
- v) Aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- vi) Solat jenazah di masjid dan surau adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

- vii) Pengurusan dan solat jenazah hendaklah dilaksanakan di rumah atau premis persendirian dengan hanya melibatkan kehadiran Pegawai/Jawatankuasa Masjid dan ahli keluarga terdekat tidak melebihi dua puluh (20) orang sahaja.
- viii) Pengurusan pengebumian jenazah di Tanah Perkuburan dilaksanakan dengan kehadiran tidak melebihi dua puluh (20) orang terdiri daripada Pegawai/Jawatankuasa Masjid, petugas dan ahli keluarga si mati sahaja.
- ix) Mana-mana masjid atau surau yang dikenakan arahan penutupan di bawah seksyen 18 (1)(d) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan apa-apa aktiviti sepanjang tempoh penutupan.

Jawatankuasa masjid dan surau dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan dan Garis Panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dari masa ke semasa.

Baginda mengharapkan supaya rakyat jelata khususnya di kawasan yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan sama-sama memainkan peranan

bersama Barisan Hadapan dalam menangani wabak ini dari terus merebak dan seterusnya ianya dapat dikawal sepenuhnya.

Baginda berdoa semoga kita semua dilindungi oleh Allah Subhanahu Wataala dari wabak ini dan semoga Allah Subhanahu Wataala memberi kekuatan kepada kita semua untuk menghadapi situasi getir ini dan akhirnya baginda memohon semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati dan merahmati kita semua.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

24 MEI 2021M BERSAMAAN 12 SYAWAL 1442H